



# JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kod bidang 110103** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :

**NO. SEBUT HARGA** : 12/2017  
**TAJUK SEBUT HARGA** : **SEBUT HARGA PELUPUSAN KENDERAAN JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG (KERETA NAZA RIA)**  
**TARIKH DIJUAL** : 25 SEPTEMBER 2017 (ISNIN)  
**TARIKH TUTUP** : 06 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

2. Dokumen Sokongan Wajib :-

- (i) Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia atau Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
- (ii) Profail syarikat yang ringkas dan mengandungi maklumat seperti:-
  - (a) Nama Syarikat serta alamat Ibupejabat
  - (b) Maklumat mengenai pengalaman dalam pembekalan perkhidmatan
  - (c) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan kod bidang : 110103 (Kenderaan bermotor - kereta)
- (iii) Dokumen perolehan wajib dimuat turun melalui Sistem ePerolehan di alamat <http://ep.penang.gov.my>

3. Tarikh Akhir Serahan : Sebelum jam **12.00 tengahari, 06 Oktober 2017 (Jumaat)**. (Tawaran yang lewat tidak akan diterima). Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada **28 September 2017 (Khamis) jam 10.00 pagi** di **Hadapan Pejabat Urusetia Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang**.

4. Dokumen sebut harga boleh diperolehi daripada Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang di portal [ep.penang.gov.my](http://ep.penang.gov.my) mengklik butang BELI di portal tersebut. Walau bagaimanapun, dokumen sebutharga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat yang berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja.

5. Arahan Pengiriman :-

Sebut Harga yang lengkap mengikut spesifikasi perolehan bekalan yang telah ditetapkan beserta Dokumen Sokongan Wajib hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di **Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 23, KOMTAR, Peti Surat 3007, 10990 Pulau Pinang** sebelum tarikh akhir serahan seperti di atas. Penghantaran melalui pos tidak digalakkan sama sekali.

6. Tempoh sah laku sebut harga ialah 90 hari selepas tarikh tutup.

7. Jabatan Kewangan Negeri adalah tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran.